Penjelasan mengenai syirik

Oleh: Da'ie Siber
www.minda-remaja.blogspot.com

1. Perkara paling asas di dalam ajaran Islam ialah mempercayai dan beriman dengan Allah, bukan setekat mempercayai dan beriman dengan kewujudan-Nya sebagai Pencipta, Pentadbir dan Pengurus alam, tetapi juga mempercayai dan beriman bahawa Allah SWT sahaja yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi serta memiliki nama-nama dan sifat-sifat yang sempurna tanpa cacat cela.

   Firman Allah SWT:

   إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

   "Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan." (Surah Al-Fatihah ayat 5)

2. Perkara yang berlawanan dengan prinsip asas ini ialah syirik. Syirik ialah menyekutukan atau menyamakan Allah SWT dengan makhluk-Nya (patung, tumbuhan, haiwan dan sebagainya) sama ada dari segi zat-Nya, sifat-Nya, ataupun perbuatan-Nya. Syirik merupakan sebesar-besar kezaliman, sebagaimana nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya:

   وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

   "Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya, "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."" (Surah Luqman ayat 13)

3. Secara umumnya, syirik terbahagi kepada dua bahagian, iaitu syirik *jali* dan syirik *khafi*.

4. Syirik *jali* ialah perbuatan syirik yang terang-terangan dilakukan dan secara jelas menyamakan Allah dengan makhluk-Nya. Antara contoh syirik *jali* ialah mempercayai adanya Tuhan selain daripada Allah SWT dan menyembah makhluk, sama ada berbentuk patung, tumbuhan, haiwan dan sebagainya.

5. Terdapat tiga bahagian syirik *jali*, iaitu syirik *rububiyyah*, syirik *uluhiyyah* dan syirik *asma' wa sifat*. Mensyirikkan Allah dalam mana-mana bahagian syirik ini atau secara keseluruhannya membawa kepada terbatalnya iman seseorang dan diletakkan di dalam Neraka buat selama-lamanya jika mati di dalam keadaan mensyirikkan-Nya. Hal ini berteraskan sabda Rasulullah SAW:

   مَنْ مَاتَ يُشْرِكُ بِاللهِ شَيْئًا دَخَلَ النَّارَ.

   "Sesiapa yang mati dalam keadaan syirik kepada Allah, dia akan masuk ke dalam Neraka." (Hadis direkodkan oleh Al-Bukhari dan Muslim)

6. Syirik *rububiyyah* ialah mempercayai dan berkeyakinan bahawa ada kuasa lain yang mampu menciptadan mentadbir alam ini serta mempercayai bahawa kewujudan sesuatu itu adalah atas kuasa manusia semata-mata. Salah satu daripada bentuk syirik *rububiyyah* ialah seseorang yang mempercayai bahawa penciptaan sesuatu teknologi adalah semata-mata kuasa manusia dan tidak ada kaitan dengan Allah SWT.

   Syirik *uluhiyyah* pula ialah beriktikad dan berkeyakinan bahawa ada Tuhan lain yang layak disembah seperti menyembah patung, pokok, matahari dan lain-lain. Salah satu bentuk syirik *uluhiyyah* ialah

mempercayai bahawa ada ajaran dan sistem yang lain yang lebih baik dari apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Manakala syirik *asma' wa sifat* ialah mempercayai bahawa Allah mempunyai sifat-sifat kekurangan ataupun menyamakan Allah SWT dengan makhluk seperti mempercayai bahawa Allah mempunyai tangan sama bentuk seperti tangan manusia. Kepercayaan sebegini adalah haram dan terkeluar dari Islam, kerana:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

"Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan-Nya dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat." (Surah As-Syura ayat 11)

7. Syirik *khafi* ialah syirik yang tersembunyi, di mana seseorang tidak meletakkan Allah SWT sebagai yang mutlak di dalam niat dan tujuan amalannya, sebaliknya meletakkan orang lain dan perkara lain sebagai yang mutlak. Antara contoh syirik *khafi* ialah sifat riak, 'ujub dan takbur.

   Riak ialah sifat menunjuk-nunjuk amalan baik yang telah dilakukan di hadapan orang lain dengan tujuan menginginkan pujian dan sanjungan daripada orang-orang yang melihat amalannya. Melakukan amalan-amalan baik dengan tujuan supaya dirinya dilantik memegang sesuatu jawatan juga dikira sebagai riak.

   'Ujub ialah sifat kagum dengan amalan sendiri serta sombong dalam melakukan sesuatu ibadat serta memandang rendah dan melekeh-lekehkan amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang lain. Menganggap dirinya sahaja betul dan orang lain tidak juga termasuk dalam bentuk 'ujub.

   Takbur pula ialah sikap membesarkan diri seperti sombong dan angkuh dengan perkara kebaikan serta segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepadanya.

8. Syirik *khafi* tidak membawa kepada terbatalkan iman seseorang. Namun, Islam menyuruh umatnya supaya menjauhkan diri daripada mendekati syirik *khafi* kerana ia menghapuskan pahala ibadat dan amalan yang dilakukan oleh seseorang. Firman Allah SWT di dalam sebuah hadis Qudsi:

   اَلْعِزُّ إِزَارِي وَالْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي فَمَنْ يُنَازِعُنِي عَذَّبْتُهُ

   "Kemuliaan adalah sarung-Ku dan kesombongan itu adalah selendang-Ku. Sesiapa yang mencabut daripada-Ku salah satu daripada kedua-duanya, nescaya Aku akan menyeksakannya." (Hadis direkodkan oleh Muslim)

   Demikian juga, Rasulullah SAW bersabda:

   وَثَلَاثٌ مُهْلِكَاتٌ: هَوًى مُتَّبَعٌ وَشُحٌّ مُطَاعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ

   "Dan tiga perkara yang membinasakan: hawa nafsu yang diikuti, orang yang kedekut ditaati, dan seseorang merasa ujub dengan dirinya." (Hadis direkodkan oleh Al-Qudha'i, Al-Bazzar dan Abu Nu'aim)

Rujukan:

- Aimi bin Hamzah, Muhammad Haidir bin Hj. Muhammad Isa, Muhammad Syah bin Ujang, 2003. *Pendidikan Syariah Islamiyyah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safaee Zakaria, Mohd. Zin Daud, 2003. *Tasawwur Islam Tingkatan 5*. Kelantan Darul Naim: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohammad Al-Bakri, Dr, 2007. *Himpunan Hadis Modal Insan 2*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Yahya bin Syaraf An-Nawawi, 1995. *Riyadh As-Salihin Jilid 4*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.